

Headline	Industri kelapa sawit, buluh dan provokasi PH		
MediaTitle	Harakah		
Date	20 Jul 2020	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	50,000
Page No	N8	Readership	150,000
Language	Malay	ArticleSize	795 cm ²
Journalist	AZIZ MUDA	AdValue	RM 6,528
Frequency	Twice in a Week	PR Value	RM 19,585



Industri kelapa sawit, buluh dan provokasi PH

Oleh AZIZ MUDA

KELAPA sawit merupakan salah satu komoditi utama Malaysia. PAS sejak dulu sentiasa menekankan pihak pemerintah agar terus memperkasakan lagi komoditi sawit bagi kepentingan rakyat dan negara. Setelah kerajaan Perikatan Nasional (PN) terbentuk dengan PAS turut berada di dalamnya, pendirian PAS dalam hal itu tidak pernah berubah malah menjadi lebih jauh ke depan dan begitu juga dengan kerajaan PN sendiri.

Malangnya, realiti itu tidak pernah diambil peduli oleh pihak pembangkang atau Pakatan Harapan (PH). Malah, kenyataan itu sentiasa diputar belitkan oleh pihak PH sehingga digambarkan PAS dan kerajaan PN mahu menggantikan industri kelapa sawit kepada industri buluh pula.

Pada persidangan Dewan Rakyat 13 Julai lalu, pihak PH turut memanasakan persidangan dengan putar belit mereka itu, sehingga menyebabkan Dewan menjadi kecoh dengan provokasi mereka yang langsung tidak memberikan sebarang keuntungan kepada rakyat dan negara.

Namun, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dari PAS, Dato' Dr Mohd Khairuddin Aman Razali ternyata bertindak bijak dengan tidak melayan provokasi tersebut, sebaliknya menghadapinya dengan tenang menerusi hujah dan fakta-faktanya yang cukup kemas dan kukuh.

Ahli Parlimen Lumut dari PAN (PH), Dato' Dr Mohd Hatta Md Ramli, dalam soalan asalnya menerusi sesi Jawapan-Jawapan Lisan Bagi Pertanyaan-Pertanyaan, meminta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sejauh mana pihak kementerian berkenaan serius untuk menggantikan industri kelapa sawit dengan industri buluh.

Soalan tersebut ternyata satu bentuk provokasi yang amat jelas, memandangkan realiti sebenarnya tidak sedemikian. Sebaliknya, kementerian berkenaan langsung tidak berhasrat un-



Dr Mohd Khairuddin Aman Razali

tuk menggantikan komoditi utama negara iaitu kelapa sawit dengan tanaman buluh.

Menurut Dr Mohd Khairuddin, apa yang dilakukan oleh kementerian ialah mahu memperkasakan lagi industri sawit dengan kajian teknologi terkini sawit, memperluaskan pasaran luar negara, mempelbagaikan produk nilai tambah makanan berasaskan sawit di peringkat antarabangsa.

Katanya, dalam masa yang sama, apa yang dilakukan oleh kementerian berkenaan ialah untuk menambah satu lagi peluang kepada peneroka atau rakyat negara ini untuk menjadikan buluh sebagai satu komoditi masa depan, di samping pelbagai lagi produk komoditi yang lain.

Bagi membangunkan industri buluh, kementeriannya telah menyenaraikan buluh sebagai salah satu tanaman hutan yang perlu dikomersialkan menerusi program pembangunan dan hutan bersama dengan lapan lagi spesies hutan lain yang telah diluluskan pada tahun 2005 lagi, dengan peruntukan sebanyak RM1.04 bilion.

"Tetapi untuk buluh disenaraikan pada tahun 2014 dengan saiz minimum 20 hektar bermula pada tahun 2020 dengan saiz minimum diturunkan pada empat hektar. Baki terkini peruntukan untuk Program Perladangan Ladang Hutan ini ialah RM85 juta lagi. Kementerian saya sedang dalam proses mengubah Skim Pinjaman Mudah yang berbentuk konvensional sebelum ini kepada pem-



Dr Mohd Hatta Md Ramli

biayaan berasaskan Islam atau patuh syariah.

"Untuk membangunkan lagi industri ini, kementerian saya sedang dalam proses menghasilkan satu Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia untuk tahun 2021 hingga 2030 dan satu bengkel telah dibuat melibatkan pelbagai pihak dibincangkan pada 30 Jun 2020," katanya.

Dalam usaha untuk memajukan penanaman buluh, selain tindakan-tindakan yang telah dibuat seperti yang telah dinyatakan itu, kementeriannya juga telah merancang strategi jangka masa pendek yang panjang.

Antaranya, membangunkan piawai antarabangsa berkaitan buluh, R&D dengan FRIM dan juga promosi seperti penganjuran World Bamboo Day dan Asean Bamboo Symposium yang terakhir dibuat pada 2016.

Selain itu, katanya, kementeriannya juga sedang membina pelbagai infrastruktur dan bangunan ikonik berasaskan buluh. Antara yang terakhir yang akan dibuat di Kuala Terengganu sebagai satu projek penyelidikan dan juga meneruskan pembangunan industri buluh untuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

"Kita melihat peluang daripada buluh ini untuk menghasilkan papan lapis, perabot, makanan, fabrik, kraf tangan, kutleri, pembinaan, ekopelancongan dan juga bahan bakar seperti pembuatan arang dan palet. Sungai adalah satu peluang yang mesti diteroka oleh rakyat Malaysia dalam industri ini," katanya.



Shamsul Iskandar @ Yusre Mohd Akin

Ekzos paip kereta terbang

Sebenarnya, pendirian PAS dan kerajaan PN itu sememangnya telah diketahui oleh PH. Namun setelah dijelaskan dengan sejas-jelasnya pun, mereka tetap terus dengan putar belit mereka dan terus mencetuskan provokasi bagi memerangkap PAS dan kerajaan PN.

Dalam soalan tambahannya, Dr Mohd Hatta mengucapkan terima kasih kepada Dr Mohd Khairuddin atas jawabannya itu dan beliau gembira kerana pihak kementerian berkenaan dan kerajaan PN tidak lagi mentertawakan industri buluh yang cuba dipolitikkan, sehingga ada yang bertanyakan spesies mana yang boleh digunakan untuk menjadi ekzos paip kereta terbang, dengan diiringi tepukan gemuruh Ahli-ahli Parlimen pembangkang.

Jadi, beliau bertanyakan kepada Dr Mohd Khairuddin unjuran dari segi perbelanjaan atau modal yang akan digunakan dan hasilnya kepada negara dalam jangka masa terdekat dan juga dalam masa sederhana, bagi menggalakkan anak-anak muda terlibat dalam industri yang mempunyai masa depan yang baik itu.

Meskipun diprovok, Dr Mohd Khairuddin tetap menghadapinya dengan tenang dan menjelaskan bahawa isu ditertawakan itu barangkali merujuk kepada cara Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi di bawah kerajaan PH sebelum ini, Teresa Kok, menjawab bila dikaitkan buluh dengan sawit.

"Adapun saya menegas-

kan bahawa sawit satu isu yang perlu kita perkasakan dan buluh satu isu yang mesti kita perkasakan. Itu perbezaan pendekatan antara saya dengan Yang Berhormat Seputeh. Boleh rujuk ini isu terulang kepada public untuk menentukan, berbincang dan boleh lihat apa yang dibincangkan di peringkat public dan juga media.

"Tidak perlu bising di sini. Namun untuk industri buluh, saya melihat prospeknya begitu, tetapi kalau kita lihat tahun 2017, nilai eksport buluh ialah RM20 juta, malangnya tahun 2018 dan 2019 menurun kepada RM9 juta dan lebih menurun lagi pada tahun 2018. Maka saya melihat ini kegagalan pada waktu yang lalu," katanya dengan disambut tepukan gemuruh Ahli-ahli Parlimen daripada blok kerajaan.

Menurut Dr Mohd Khairuddin, bagi beliau, industri buluh perlu dipacu dengan cara yang begitu bijak dan berhati-hati dan prospeknya sangat besar. Oleh sebab itulah dalam kempenya yang pertama ialah untuk menanam buluh kerana telah disediakan suatu pembiayaan mudah yang boleh memberi untung jangka masa panjang.

"Kerana hari ini, bekalan buluh hanya bergantung kepada bekalan hutan yang diambil oleh orang kampung atau orang asal sahaja, tiada bekalan yang konsisten. Kita perlukan ladang kerana ladang ini boleh memberikan income yang baik yang saya telah sebut dalam pengkaji media menghasilkan income sehingga RM64,000 setahun," jelasnya.

Sekarang sudah cerdiklah

Sementara itu, Ahli Parlimen Hang Tuah Jaya dari PRK (PH), Dato' Seri Shamsul Iskandar @ Yusre Mohd Akin pula, ketika turut bangun untuk mengemukakan soalan tambahannya menyatakan kegembaraannya sebab Dr Mohd Khairuddin telah mengambil keputusan untuk meneruskan dasar dan hala tuju penanaman buluh yang ditetapkan oleh kerajaan pimpinan PH lalu.

"Lalu Yang Berhormat

Menteri kata idea ini kurang cerdik, tetapi sekarang saya percaya Menteri sudah cerdiklah sekarang ini. Saya hendak khusus kepada yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh 2021-2025.

"Jadi, saya ingin bertanya apakah kerangka asas pelan ini dan apakah program-program yang dianggap sebagai game changer, yang mungkin telah diberikan maklum balas dalam dialog ataupun berbincangan pemegang taruh dalam industri ini," kata Shamsul Iskandar.

Menjawab soalan itu pula, Dr Mohd Khairuddin berkata, beliau mengambil inisiatif untuk menyambung dasar dan hala tuju penanaman buluh daripada kerajaan PH kerana melihat kegagalan yang lalu dalam meneruskan dan menyemarakkan industri itu, sedangkan peluangnya sangat besar dan perlu diadakan kempen besar-besaran mengenainya.

"Maka apa saya sebut ialah berkenaan besar-besaran, pertama sekali berkenaan pada sudut penanaman. Ini kerana selagi mana buluh diambil secara biasa sahaja menerusi ladang hutan, daripada orang asal dan orang kampung maka tidak ada bekalan yang konsisten dapat kita bekalkan kepada industri ini. Pelabur tidak boleh masuk untuk melabur di peringkat hiliran," katanya.

Keprihatinan beliau yang pertama ialah untuk memastikan perladangan itu berlaku secara komersial dan bajet yang disediakan, pembiayaan yang disediakan. Untuk pergi lebih jauh lagi ialah jangan melihat buluh hanya kepada buluh semata-mata, tetapi daripada apa yang boleh dihasilkan, papan lapis, arang dan sebagainya daripada produk hiliran daripada buluh.

"Ini yang mesti kita buat. Maka kelemahan yang lalu, saya akan baik dan kita akan sempurna untuk kebaikan rakyat kerana ia boleh memberi pendapatan yang baik untuk rakyat Malaysia, insya-Allah," ujar beliau.